

## **Sabotaj pesawat: Tiada asas siasat Mahathir**

**SINAR HARIAN**

**3 MEI 2018**

**SITI AZIELAH WAHI**

KUALA LUMPUR- Siasatan terhadap Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung dakwaan sabotaj pesawat dilakukan tanpa asas undang-undang dan di luar skop Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 .

Demikian menurut peguam N Surendran berkata dengan mengatakan siasatan polis di bawah Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 terhadap Mahathir membuktikan kebimbangan orang ramai mengenai bahaya akta berkenaan.

"Dakwaan Mahathir bahawa terdapat sabotaj terhadap dirinya adalah aduan sah, yang mesti disiasat oleh pihak berkuasa.

"Ia bukan berita palsu dan ia adalah luar kepercayaan bahawa ia dianggap sebagai berita palsu,"katanya.

Tegasnya siasatan di bawah peruntukan itu jelas menentang kepentingan awam apabila melabelkan aduan mengenai perkara serius sebagai berita palsu dan sebaliknya pengadu sendiri disiasat.

" Mesej apakah yang dihantar kepada orang awam? Orang awam harus bebas membuat aduan tanpa rasa takut bahawa mereka mungkin akan dituntut untuk menerbitkan berita palsu,"katanya.

Selain itu katanya, siasatan mengenai Mahathir melanggar perlembagaan persekutuan.

"Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan bersuara, tertakluk kepada pengecualian bahawa terdapat batas kebebasan bersuara,"katanya.

Surendran berkata, kenyataan Mahathir tentang kemungkinan penerbangannya disabotaj tidak ada kaitan dengan ketenteraman awam.

"Oleh itu siasatan terhadapnya melanggar haknya untuk mendapat kebebasan bersuara di bawah Perkara 10.

"Apa-apa siasatan terhadap Mahathir atas alasan ini akan menentang kepentingan awam, dan satu pembaziran,"katanya.

Tambahnya siasatan yang dipanggil ini juga membuktikan bantahan banyak pihak bahawa Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 terlalu luas dan samar-samar, dan ia mengancam hak demokratik untuk kebebasan bersuara yang dijamin di bawah perlembagaan persekutuan kita.

**© 2018 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2018 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf**

Source: <http://www.sinarharian.com.my/politik/sabotaj-pesawat-tiada-asas-siasat-mahathir-1.829662>